

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]
RUJUKAN : BL2 [PR-1323-T64125]
SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki infrastruktur dan aliran trafik di bulatan di luar Selangor Turf Club dan kawasan berhampiran dan sama ada rancangan ini akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serdang, kesesakan di bulatan luar Selangor Turf Club berpunca dari aliran trafik dari Lebuhraya Sungai Besi, Lebuhraya Bukit Jalil dan dari jalan kawasan Selangor iaitu dari Taman Putra Indah dan Taman Serdang Jaya.

Bagi penyuraian trafik di Lebuhraya Bukit Jalil pihak DBKL telah bercadang mengadakan 2 'U-turn' bertingkat dan persimpangan bertingkat dari Bandar Bukit Jalil sehingga *Calvary Centre*.

Manakala kesesakan di laluan kawasan Selangor yang mengakibatkan kesesakan sehingga ke kawasan Kuala Lumpur, pihak kerajaan negeri Selangor juga perlu mengambil langkah-langkah membaiki infrastruktur dan aliran trafik pada jalan sedia ada di kawasan Taman Putra Indah dan Taman Serdang Jaya.

Bagi Jalan Lumba Kuda Emas yang masih dalam penyeliaan Selangor Turf Club perlu mengambil langkah-langkah mempertingkatkan jalan tersebut supaya masalah kesesakan dapat diatasi di kawasan berkenaan.